



IKLAN JAWATAN KOSONG MUIP EDUCATION SDN BHD

A. Pemohon yang berkelayakan dan mempunyai komitmen yang tinggi dijemput untuk mengisi kekosongan jawatan di MUIP Education Sdn. Bhd.

JAWATAN	GRED	PENEMPATAN	JADUAL GAJI	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
PENGARAH PUSAT ILMU MUIP	SETARA 52	KUANTAN	MIN : RM5,855.00 MAX : RM12,445.00	RM290.00

B. SYARAT & KELAYAKAN

1. Warganegara Malaysia dan beragama Islam;
2. Berumur TIDAK KURANG DARI 40 tahun pada tarikh tutup permohonan.
3. Memiliki minimum 15 tahun pengalaman profesional dalam mengetuai sektor pengurusan dan pentadbiran dalaman organisasi.
4. Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam Subjek Bahasa Melayu dan Matematik di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) / Sijil Vokasional Malaysia (SVM).
5. Kelayakan Minima adalah **IJAZAH DOKTOR FALSAFAH (PhD) (Penyelidikan) dalam bidang Pengajian Islam atau bidang berkaitan** yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
6. Calon juga mestilah mempunyai ciri – ciri peribadi yang: -
 - ✓ Boleh berkomunikasi dalam Bahasa Melayu dan Inggeris dengan baik.
 - ✓ Memiliki sifat kepimpinan yang cemerlang dan komited dalam pekerjaan.
 - ✓ Boleh bekerja secara berpasukan
 - ✓ Mempunyai strategi yang jelas dalam menentukan visi dan misi organisasi.
 - ✓ Berpenampilan menarik, kemas dan menutup aurat
 - ✓ Sihat tubuh badan dan mengamalkan kebersihan diri

C. BIDANG TUGAS

Bertanggungjawab merancang, melaksana serta memantau Pembangunan Pusat Ilmu MUIP dengan objektif seperti berikut :-

- ✓ Berperanan menjadi pusat rujukan ilmu dan Latihan bagi memberi kefahaman mendalam khususnya dalam bidang pengajian Ilmu Tasawuf, Aqidah dan Syariah.
- ✓ Sebagai pusat pengajian jangka pendek dan kuliah umum kepada semua lapisan masyarakat.
- ✓ Sebagai pusat penyelidikan yang menyeluruh dan bersepadu .
- ✓ Sebagai pusat penghasilan bahan terbitan berkaitan ilmu Tasawuf, Aqidah dan Syariah dalam bentuk buku, majalah dan jurnal untuk bacaan umum dan golongan sasaran.
- ✓ Berperanan menganjurkan persidangan, seminar dan forum percambahan fikiran.

D. ARAHAN TAMBAHAN KEPADA CALON

Calon akan diminta untuk memberikan taklimat ringkas mengenai halatuju Pusat Ilmu MUIP berdasarkan kepada latar belakang yang diberikan di ***Lampiran A**.

(*Sumber:- *Kertas Pembentangan Cadangan Penubuhan Pusat Ilmu, Muzakarah Ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah bertarikh 25 dan 26 Muharam 1444H bersamaan 23 dan 24 Ogos 2022.*)

E. CARA MEMOHON

1. Sila kemukakan Resume lengkap, Surat permohonan, Salinan kad pengenalan, Salinan surat beranak, gambar berukuran passport dan Salinan sijil – sijil berkaitan ke email queraisha@muip.gov.my
2. Semua permohonan hendaklah menyertakan **SALINAN SIJIL YANG DISAHKAN** mengikut kelayakan yang disyaratkan.
3. Pemohon hendaklah memastikan semua **maklumat** adalah **tepat dan terkini** sebelum permohonan dibuat.
4. Pemohon yang ingin membuat permohonan melalui pos hendaklah menulis nama jawatan yang dipohon pada penjuru kiri atas sampul surat yang dihantar. Semua permohonan hendaklah dialamatkan ke:

MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG,
KOMPLEKS ISLAM SULTAN HAJI AHMAD SHAH (KISHAS),
26600 PEKAN,
PAHANG DARUL MAKMUR.

Tarikh tutup permohonan adalah pada 17 Julai 2023

CATATAN AM

1. Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temu duga.
2. Pemohon-pemohon yang **tidak menerima sebarang jawapan selepas 3 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan tidak berjaya.**
3. Sebarang pertanyaan lanjut boleh menghubungi **Encik Mohd Redzuan Bin Abdullah** (Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang) di talian **09-4221311 ext : 1025.**

KERTAS CADANGAN PENUBUHAN PUSAT ILMU MUIP

1.0. TUJUAN

Kertas ini disediakan bertujuan untuk mencadangkan konsep penubuhan Pusat Ilmu MUIP yang akan beroperasi melalui anak syarikat milik penuh MUIP iaitu MUIP Education Sdn. Bhd.

2.0. LATAR BELAKANG

- 2.1 Cadangan penubuhan sebuah pusat ilmu di Negeri Pahang telah dizahirkan ketika Muzakarah Ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah telah diadakan pada 25 dan 26 Muharam 1444H bersamaan 23 dan 24 Ogos 2022 di Hotel Grand Darul Makmur, Kuantan. Muzakarah ini melibatkan para alim ulama dan cendekiawan bagi membincangkan isu-isu semasa berkaitan kefahaman dan penghayatan umat Islam dalam bidang akidah, syariah dan tasawuf.
- 2.2 Muzakarah tersebut telah mengeluarkan satu resolusi mengesyorkan penubuhan Pusat Ilmu Negeri Pahang bagi menguruskan unit kajian penyelidikan, unit media dan unit strategik berkaitan bidang pengajian Islam untuk membimbing umat Islam dalam mengamalkan ajaran Islam dengan sah dan tepat khususnya di Pahang.

3.0 OBJEKTIF PENUBUHAN

Objektif penubuhan Pusat Islam MUIP adalah seperti berikut :

- a. berperanan memberi kefahaman Islam yang benar kepada masyarakat Islam khususnya di Pahang serta menjawab isu yang timbul dalam masyarakat.